



GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

(JAKIM)

Edisi Kemaskini : 1 Januari 2024

ARAHAN PENTADBIRAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN 1 TAHUN 2019
GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN JAKIM
Bertarikh : 22 Januari 2019

Isi Kandungan

01

KATA ALUAN KETUA PENGARAH

02

OBJEKTIF

03

PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

04

AKSESORI

05

PERKARA YANG DILARANG DALAM ETIKA DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

06

TIPS TAMBAHAN

07

RUJUKAN

08

PENUTUP

KATA ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM

Assalamualaikum wbt Salam Sejahtera

JAKIM merupakan sebuah agensi agama di peringkat persekutuan yang menyediakan pelbagai perkhidmatan, kini dalam rangka usaha untuk membangun dan memajukan Pengurusan hal ehwal Islam bertaraf kelas pertama. Selaras dengan itu, JAKIM berhasrat untuk menonjolkan imej peneraju transformasi pengurusan hal ehwal Islam di negara ini dalam segenap aspek termasuk dari segi profesionalisme dan keterampilan warganya. Penampilan secara profesional serta menepati kehendak syariat pastinya dapat menyakinkan pelanggan terhadap kredibiliti dan kewibawaan warga JAKIM sekaligus membantu meningkatkan imej jabatan di mata masyarakat.

Sehubungan itu, garis panduan ini diwujudkan sebagai rujukan kepada seluruh warga JAKIM agar berpakaian memenuhi kehendak syariat serta mengutamakan penampilan profesional semasa menjalankan tugas rasmi dengan mengambil kira garis panduan sedia ada yang diterbitkan oleh kerajaan serta digarap selari dengan tuntutan syariat.

Justeru, saya berharap dengan adanya garis panduan ini, penampilan, imej dan tahap profesionalisme warga JAKIM akan dapat dipertingkatkan dan terus diperkasakan.

Sekian, wassalam.

DATIN PADUKA HAJAH HAKIMAH BT MOHD YUSOFF



OBJEKTIF

- ❖ Memandu warga JAKIM agar berpakaian rasmi selaras dengan garis panduan yang ditetapkan.
- ❖ Menampilkan imej penjawat awam yang profesional dan memenuhi syariat.
- ❖ Menjadikan JAKIM sebagai agensi contoh dalam etika berpakaian penjawat awam dengan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang disediakan.



PANDUAN KE PEJABAT



Lounge Suit

LELAKI

01

Gabungan 3-pieces suit yang terdiri daripada :

- ✓ Kot
- ✓ Kemeja
- ✓ Seluar panjang

02

Sut perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher

03

Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan

04

Pilihan warna sut yang digalakkan adalah warna hitam



WANITA

01

Gabungan 3-pieces suit yang terdiri daripada :

- ✓ Kot
- ✓ Kemeja
- ✓ Skirt Labuh

02

Sut perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan atau memakai cuff link

03

Kadar labuh skirt dan kot mestilah bersesuaian, tidak terlalu ketat atau mencolok mata serta sepadan dari segi warna dan jenis bahan

04

Pilihan warna sut skirt yang digalakkan adalah warna hitam



Nehru Suit

- ❖ Berbutang Hadapan
- ❖ Berbutang Terselindung



Busjaket



LELAKI



WANITA

LOUNGE SUIT



KEMEJA	TALI LEHER
<ol style="list-style-type: none">1. Kemeja berkollar dan berlengan panjang. Hendaklah dibutangkan atau memakai <i>cuff link</i>2. Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (<i>tuck-in</i>) dan lengan tidak dilipatkan3. Pilihan warna dan corak yang digalakkan adalah warna <i>pastel</i>4. Kemeja berjulur seeloknya dipadankan dengan tali leher tanpa corak atau sebaliknya5. Sekiranya kemeja mempunyai butang kollar, kollar harus dibutangkan6. Lebar kollar hendaklah bersesuaian	<ol style="list-style-type: none">1. Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul tiga2. Kedudukan pin tali leher adalah di bahagian tengah saku baju. Jika memakai <i>lounge suit</i>, tempat pin yang sesuai ialah searas atas saku baju3. Jika mengenakan <i>pocket handkerchief</i>, tali leher hendaklah dipadankan dengan corak yang sama4. Hujung kepala tali leher seeloknya mencecah bahagian <i>buckle</i> tali pinggang



PAKAIAN KEBANGSAAN / TRADISIONAL

1. Pakaian Kebangsaan / Tradisional ialah :
 - ✓ Baju Melayu
 - ✓ Baju Kurung
 - ✓ Baju Kebaya Labuh
2. Baju Melayu yang lengkap adalah bersampin, bersongkok hitam dan berbutang lima.
3. Baju Melayu tidak dibenarkan dipakai dengan seluar yang berbeza warna atau jenis bahan dan berselipar.
4. Pakaian ini hendaklah dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi.
5. Pemakaian Baju Melayu **digalakkan** pada hari Jumaat bagi lelaki atau pada majlis-majlis yang memerlukan pakaian tersebut.



BAJU BATIK

1. Pemakaian **baju batik** pada setiap hari Khamis adalah diwajibkan dan digalakkan pada hari bekerja yang lain kepada semua pegawai/kaki tangan lelaki dan wanita, kecuali pada keadaan tertentu, contoh : pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam atau terdapat keperluan untuk menghadiri program-program rasmi tertentu pada hari khamis yang memerlukan kepada kod etika pakaian selain dari batik.
2. Batik yang dipakai hendaklah bercirikan Batik Malaysia.
3. Digalakkan membawa baju batik semasa menghadiri urusan rasmi di luar negara dan memakainya di majlis yang bersesuaian. Ini bagi melambangkan identiti dan imej Malaysia.



PAKAIAN KEBANGSAAN / TRADISIONAL

1. Baju kurung atau kebaya labuh hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak ketat dengan kelabuhan yang bersesuaian)
2. Fesyen baju kurung dan baju kebaya labuh hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang.
3. Kakitangan wanita hendaklah memakai tudung yang bersesuaian mengikut hukum syarak.
4. Pakaian ini hendaklah dipakai secara lengkap dan bersesuaian ketika menjalankan tugas rasmi.



Baju Korporat

Pemakaian Baju Korporat adalah digalakkan mengikut rekabentuk baju yang telah ditetapkan pada setiap hari Selasa atau ketika majlis rasmi yang memerlukan pemakaian tersebut.



Pakaian Seragam

PAKAIAN SERAGAM

Pakaian seragam yang dibekalkan kepada Pemandu dan Pembantu Operasi hendaklah dipakai ke pejabat sepanjang menjalankan tugas kecuali pada keadaan-keadaan tertentu, contoh : terdapat keperluan untuk menghadiri program-program rasmi tertentu yang memerlukan kepada kod etika pakaian selain dari pakaian seragam.



Pakaian Beruniform



PAKAIAN BERUNIFORM

1. Pakaian seragam Pegawai Keselamatan hendaklah dipakai ke pejabat sepanjang menjalankan tugas.
2. Pakaian ini dipakai oleh semua Pegawai Keselamatan dan dibezakan mengikut tanda pangkat.





PAKAIAN ALTERNATIF

1. Baju jubah hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak ketat dengan kelabuhan yang bersesuaian).
2. Fesyen baju jubah hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang dan melekap pada badan (kain lycra).

WANITA MENGANDUNG

- ❖ Hendaklah memakai baju mengandung yang labuh dan longgar.
- ❖ Memakai kemeja atau blaus sama ada plain atau bercorak yang melepas punggung dan dipadankan dengan skirt labuh yang longgar.
- ❖ Memakai maxi atau jubah labuh.
- ❖ Memakai kasut atau sandal beserta sarung kaki yang sesuai dan selesa.





KASUT LELAKI

- ✓ BERSIH DAN BERKILAT
- ✓ BERTUTUP
- ✓ BERTUMIT (DIGALAKKAN 0.5"-1.0")
- ✓ BERWARNA GELAP
- ✓ KULIT / PVC ATAU SETARA
- ✓ SARUNG KAKI SEPADAN DENGAN KASUT DAN SELUAR

KASUT WANITA

- ✓ BERSIH DAN BERKILAT
- ✓ BERTUTUP
- ✓ BERTUMIT (DIGALAKKAN 0.5"-1.0")
- ✓ BERWARNA GELAP
- ✓ KULIT / PVC ATAU SETARA
- ✓ SARUNG KAKI SEPADAN DENGAN KASUT DAN KAIN

Tanda Nama

- Semua warga JAKIM dikehendaki memakai **tanda nama** sepanjang masa bekerja di pejabat dan semasa melaksanakan tugas-tugas rasmi di dalam negara.
- Tanda nama wajib **disematkan di pakaian** di sepanjang masa bekerja di pejabat dan semasa melaksanakan tugas-tugas rasmi.
- Pemakaian **tanda nama jawi** pada hari Jumaat adalah digalakkan. Khat yang dibenarkan adalah jenis Nasakh sahaja.



AKSESORI YANG DIBENARKAN



AKSESORI YANG DIBENARKAN



1. PIN TALI LEHER

- ❖ DIPAKAI SELARI DENGAN BAHAGIAN TENGAH SAKU BAJU



2. TALI PINGGANG

- ❖ WARNA TALI PINGGANG SEPADAN DENGAN WARNA KASUT



3. CERMIN MATA

- ❖ PILIH BINGKAI YANG BERSESUAIAN

4. TANDA NAMA

- ❖ SETIAP WARGA JAKIM PERLU MEMAKAI TANDA NAMA/ PAS PEKERJA SEMASA BERADA DI KAWASAN PEJABAT ATAU KETIKA MELAKUKAN TUGAS RASMI DI LUAR PEJABAT



5. JAM TANGAN

- ❖ BERSESUAIAN



6. WANGIAN / SEMBURAN

- ❖ PILIH BAUAN YANG LEMBUT DAN MINIMAL BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN BAGI MENGELOAKKAN SITUASI KURANG MENYENANGKAN



AKSESORI YANG DIBENARKAN



7. RANTAI / GELANG / CINCIN

- ❖ SEDERHANA SERTA TIDAK TERLALU SARAT DAN MEWAH



8. BEG TANGAN

- ❖ BEG TANGAN YANG BERSESUAIAN DARI SEGI SAIZ DAN BENTUK

9. SOLEKAN

- ❖ MENGENAKAN SOLEKAN SEDERHANA DAN TIDAK KETERLALUAN BERSESUAIAN DENGAN SITUASI DAN KEADAAN



10. SONGKOK

- ❖ SEMUA WARGA JAKIM LELAKI ADALAH DIGALAKKAN MEMAKAI SONGKOK HITAM
- ❖ SONGKOK PERLU LAH WARNA HITAM PLAIN TANPA CORAK DAN KERAWANG



PERKARA YANG DILARANG

Dalam Etika Berpakaian dan Penampilan Ke Pejabat



PERKARA YANG DILARANG

KATEGORI LELAKI

RAMBUT MENCACAK



PUNK ATAU SKINHEAD

MEWARNAKAN RAMBUT

BERKEPALA BOTAK KECUALI
ATAS FAKTOR GENETIK /
KESIHATAN / KEAGAMAAN

JANGGUT DAN MISAI YANG
TIDAK DIRAPI DENGAN
KEMAS



MENINDIK TELINGA



KEMEJA BERLENGAN PENDEK
KECUALI PAKAIAN SERAGAM /
BAJU KORPORAT YANG
DIBENARKAN OLEH PIHAK
PENGURUSAN UNTUK
PROGRAM / AKTIVITI YANG
DITETAPKAN



PERKARA YANG DILARANG KATEGORI LELAKI



BERKUKU PANJANG DAN
TIDAK BERSIH



MEMAKAI LEBIH DARIPADA
DUA (2) CINCIN PADA SATU
TANGAN

KEMEJA T (T-SHIRT)



Pakaian yang dibuat
daripada Sutera ASLI



PERKARA YANG DILARANG KATEGORI LELAKI



MEMAKAI BOW TIE

**MEMAKAI TALI LEHER
BERKARAKTER KARTUN
ATAU KARAKTER-KARAKTER
LAIN YANG TIDAK SESUAI**



**KEMEJA CETAKAN PERKAT
AAN YANG TIDAK SESUAI,
LOGO, GAMBAR ATAU
SLOGAN YANG BERCIRIKAN
UNSUR POLITIK, GANAS,
SERAM, LUCAH DAN YANG
SEUMPAMANYA**

**MEMAKAI SUT YANG
BERLAINAN WARNA DENGAN
WARNA SELUAR KECUALI
JIKA MEMAKAI SPORTS-JACKET**



PERKARA YANG DILARANG KATEGORI LELAKI

**KASUT YANG TIADA TUMIT
(KECUALI ATAS SEBAB KESIHATAN)**



**MEMAKAI SELIPAR, KASUT
GETAH DAN KASUT SUKAN**

PERKARA YANG DILARANG

KATEGORI LELAKI

KETERAMPILAN UMUM

MENCACAH
TATOO



NAFAS BERBAU



MEMPUNYAI BAU
BADAN (KHUSUSNYA
BAU ROKOK)



PERKARA YANG DILARANG KATEGORI WANITA



TIDAK BERHIJAB



- ❖ BAJU YANG TERDEDAH DI BAHAGIAN PINGGANG
- ❖ PAKAIAN YANG KETAT, JARANG, BERLEHER LUAS ATAU FESYEN YANG TIDAK SESUAI UNTUK KE PEJABAT

- ❖ KEMEJA BERLENGAN PENDEK
- ❖ KEMEJA CETAKAN PERKATAAN YANG TIDAK SESUAI, LOGO, GAMBAR ATAU SLOGAN YANG BERCIRIKAN UNSUR POLITIK, GANAS, SERAM, LUCAH DAN YANG SEUMPAMANYA
- ❖ KEMEJA T (T-SHIRT)



PERKARA YANG DILARANG KATEGORI WANITA

KATEGORI KAKI

KASUT YANG TIADA TUMIT
(KECUALI ATAS SEBAB KESIHATAN)



KASUT YANG TIADA TUMIT
(KECUALI ATAS SEBAB KESIHATAN)

PERKARA YANG DILARANG

KATEGORI WANITA

KETERAMPILAN UMUM

MENCACAH
TATOO



SOLEKAN
BERLEBIHAN



MEMAKAI WANGIAN YA
NG TIDAK SESUAI DAN
BERLEBIHAN



TIPS TAMBAHAN

Dalam Etika Berpakaian dan Penampilan Ke Pejabat



LELAKI DAN WANITA

- ❖ Bagi mereka yang bertubuh gempal, digalakkan memilih baju bercorak jalur menegak bagi memberi impresi tubuh yang lebih tinggi. Selain itu, baju kurung bercorak bunga besar harus dielakkan bagi wanita yang bertubuh gempal
- ❖ Bagi mereka yang kurus, digalakkan untuk memilih baju berjalur melintang dan bermotifkan bunga besar bagi wanita
- ❖ Elakkan memakai kemeja daripada fabrik yang jarang dan berkilat

WANITA

- ❖ Baju kurung hendaklah tidak melebihi dari 4 kombinasi warna bagi menampilkan imej korporat
- ❖ Skirt labuh potongan pensil memberikan kesan penampilan yang kemas dan menarik untuk semua potongan tubuh
- ❖ Padanan warna tudung dan warna baju yang sesuai memberi impak lebih menarik kepada si pemakai

BAHAN RUJUKAN



BAHAN RUJUKAN



- Buku Garis Panduan Etika dan Penampilan Pemakaian ke Pejabat ini adalah tertakluk kepada arahan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) :
 - Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1975 - Pindaan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Mengenai Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-pegawai Kerajaan;
 - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 - Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi Bagi Pegawai Awam;
 - Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;
 - Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 - Fesyen Pakaian Alternatif sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi; dan
 - Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 - Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam pada Hari Khamis
 - Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2013 – Pemakaian *Two/Three Piece Suit Pants* bagi Pegawai Wanita Semasa Bekerja

SEKIAN

